

# KAJIAN TERHADAP *AL-ARBA'ĪN AL-NAWAWIYYAH* MELALUI HADITH 40 KARYA MUSTAFA ABDUL RAHMAN

Mohd Fauzi Mohd Amin<sup>i</sup>, Muhamad Hannan Mohd Haniff<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sain Islam Malaysia, USIM.  
Emel: [fauziamin@usim.edu.my](mailto:fauziamin@usim.edu.my)

<sup>ii</sup> Muallim, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sain Islam Malaysia, USIM.  
Emel: [hannanhaniff@usim.edu.my](mailto:hannanhaniff@usim.edu.my)

## ABSTRAK

Karya Hadith 40 Imam Nawawi atau dikenali sebagai *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* sangat masyhur dalam kalangan sarjana sejak dahulu lagi bahkan masih kekal dikenali berbanding karya-karya hadith 40 lain yang bersifat tematik sehingga banyak syarahan ditulis tentang *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*. Namun, terdapat penulisan syarahan terhadap *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* yang ditulis oleh ulama di Tanah Melayu yang masih belum diberi perhatian sepenuhnya oleh generasi terkemudian seperti Syarah Hadith 40 Imam Nawawi oleh Mustafa Abdul Rahman. Kajian ini dijalankan bertujuan mengetengahkan analisis kritikal terhadap penulisan *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* melalui Syarah Hadith 40 Imam Nawawi karya Mustafa Abdul Rahman sekali gus mengenalpasti metode yang digunakan oleh Mustafa Abdul Rahman dalam mensyarahkan *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*. Instrumen kajian yang digunakan adalah kualitatif dengan merujuk buku, kajian-kajian lepas dan internet untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Kajian mendapati bahawa hadith-hadith dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* adalah sahih dan *hasan* meskipun terdapat pada asalnya beberapa hadith daif dan terdapat 11 metode yang digunakan Mustafa Abdul Rahman dalam karya iaitu Syarah Hadith 40, beliau memulakan tulisan kitab ini dengan menerangkan beberapa bab berkaitan ulum al-hadith.

**Kata-kata kunci:** Hadith, Al-Nawawi, *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*, Mustafa Abdul Rahman.

## PENDAHULUAN

Al-Nawawī merupakan seorang tokoh sarjana *mutakhirīn* yang sangat ulung dalam sejarah Islam serta seorang sarjana yang mempelopori dalam mazhab Syāfi'ī. Beliau yang umurnya hanya 45 tahun tetapi telah banyak memberikan sumbangan dalam bidang fiqh dan hadith sama ada bidang hadith itu dari aspek *dirāyah* atau *riwāyah*. Antara karya-karya al-Nawawī yang masyhur dalam masyarakat umat Islam kini antaranya ialah *Riyāḍ al-Sālihīn*, *Syarah Sahīh Muslim*, *al-Minhāj*, *al-Adhkār*, *al-Tibyān fī Adab Hamalah al-Qur'an* dan banyak lagi termasuklah *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* iaitu Hadith 40.

*Al-Arba'īn Al-Nawawīyyah* diberi nama oleh al-Nawawī sendiri sebagai *al-Arba'īn fī Mabānī al-Islām wa Qawā'id al-Ahkām*<sup>108</sup> namun kitab ini hampir tidak dikenali dengan nama

---

<sup>108</sup> Ibn Hajar al-Haytami (2008), *Al-Fath al-Mubīn bi Syarah al-Arba'īn*, Jeddah: Dar al-Minhāj, h. 10.

asal melainkan ia masyhur dengan nama *al-Arba 'in al-Nawawīyyah*.<sup>109</sup> Kitab Hadith 40 ini juga telah tersebar ke seluruh pelusuk wilayah Islam sehingga ramai sarjana selepas al-Nawawī mensyarahkan karya *al-Arba 'in al-Nawawīyyah* ini sehingga ke hari ini. Antara ulama di Tanah Melayu yang turut mensyarahkan kitab *al-Arba 'in al-Nawawīyyah* ini ialah Mustafa Abdul Rahman.

Beliau juga merupakan antara ilmuan Islam di Tanah Melayu yang cuba menetengahkan perbincangan berkaitan hadith pada zamannya meskipun tidak banyak namun manfaatnya sangat besar khususnya kepada semua penuntut ilmu hadith di Tanah Melayu. Justeru penulisan artikel ini akan memberi fokus kepada metode penyusunan Hadith 40 al-Nawawī melalui karya Hadith 40 Mustafa Abdul Rahman. Namun sebelum menyentuh karya tersebut, penulis akan menyentuh terlebih dahulu biografi ringkas Mustafa Abdul Rahman dan analisis terhadap Hadith 40 al-Nawawī.

## **BIOGRAFI MUSTAFA ABDUL RAHMAN**

Nama sebenarnya ialah Mustafa bin Abdul Rahman bin Mahmud bin Salleh. Dilahirkan pada 1918 di Gunung Semanggol, Perak.<sup>110</sup> Beliau berasal dari keluarga yang sangat cenderung kepada pengajian agama serta kuat beribadah. Beliau berkahwin pada usia 26 tahun dengan gadis bernama Ruhīyyah Yahya namun tidak dikurniakan zuriat. Oleh itu, mereka mengambil dua orang anak saudara untuk dijadikan anak angkat iaitu Farid bin Mustafa dan Aisyah Mohd Zin.<sup>111</sup> Beliau merupakan antara orang Melayu terawal mendapatkan pendidikan tinggi di Makkah al-Mukarramah. Selain belajar di Makkah, beliau juga pernah menjadi penuntut di Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau belajar di kedua-dua tempat tersebut sekitar 15 tahun.<sup>112</sup>

Mustafa Abdul Rahman berkhidmat sebagai guru di *Ma'ahad Ihya al-Syarīf*, Gunung Semanggol pada tahun 1946 sehingga 1948. Dalam masa yang sama, beliau juga mengajar di surau dan masjid di Kawasan Gunung Semanggol dan di daerah-daerah lain di Perak. Beliau berhijrah ke Tanjung Tokong, Pulau Pinang pada tahun 1952 dan menetap di sana hampir 20 tahun. Kemudian, beliau Kembali semula ke Gunung Semanggol pada hari-hari terakhir kehidupannya.<sup>113</sup>

Mustafa Abdul Rahman telah menghasilkan banyak karya dari pelbagai bidang ilmu termasuklah ilmu hadith. Antara karya bidang lain yang dihasilkannya seperti bidang tafsir, sejarah, akhlak, akidah dan lain-lain. Karya-karya beliau ini sebenarnya didorong oleh dirinya sendiri yang sangat cenderung dan bersungguh dalam medan penulisan selain tekanan hidup yang beliau hadapi kerana pada ketika itu *Ma'ahad Ihya al-Syarīf* ditutup buat sementara.

---

<sup>109</sup> Rosni Wazir, *Keistimewaan al-Arba 'in al-Nawawīyyah Sebagai Bahan Pendidikan Masyarakat*. Kolej Universiti Sains Islam Malaysia, h. 2.

<sup>110</sup> Che Hasmawati Che Awang (2004), *Ustaz Mustafa Abdul Rahman: Sejarah Hidup dan Sumbangannya Dalam Ilmu Hadith di Malaysia*, Disertasi, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 44.

<sup>111</sup> Ibid, h. 51.

<sup>112</sup> Nurzatil Ismah (2014), Sumbangan Mustafa Abdul Rahman Dalam Tafsir al-Quran: Tumpuan Kepada Aspek Pemikiran Dalam Pengislahan Masyarakat. *International Research and Innovation Conference Proceeding 2014*, h. 39.

<sup>113</sup> Che Hasmawati Che Awang (2004), h. 54.

Beliau mempunyai anak murid dan guru yang banyak sama ada di dalam ataupun di luar negara. Antara guru yang paling banyak memberi pengaruh kepada Mustafa Abdul Rahman ialah Syeikh Abdullah Fahim, salah seorang ulama Tanah Melayu yang sangat berpengaruh dan tidak asing lagi ketokohnya dalam masyarakat kita hari ini meskipun telah lama meninggal dunia.<sup>114</sup> Beliau banyak mendorong Mustafa Abdul Rahman untuk menyiapkan karyanya yang hebat iaitu *Tafsir Quran al-Hakim*.

Mustafa Abdul Rahman juga dikenali sebagai seorang agamawan dan pendakwah yang hebat. Beliau mempunyai kesungguhan yang tinggi dalam menyebarkan Islam dan banyak menghabiskan masa kehidupannya untuk dakwah. Misalnya beliau banyak berdakwah kepada penduduk di Tanjung Tokong kerana mereka kurang penghayatan agama. Sikapnya pula yang sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakannya serta merendah diri dan menjaga hubungan baik dengan masyarakat menjadikan beliau sangat dihormati dan disenangi oleh semua orang.<sup>115</sup> Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 28 Oktober 1968 dan dikebumikan di Masjid al-Rahmaniyyah, Gunung Semanggol, Perak.<sup>116</sup>

### **SEJARAH PENULISAN HADITH 40 DAN *AL-ARBA'ĪN AL-NAWAWIYYAH***

Hadith 40 atau disebut dalam bahasa Arab sebagai *al-Arba'īn* merupakan himpunan 40 hadith *nabawi* atau hadith *qudsi* berdasarkan bab-bab tertentu dalam pelbagai bentuk metode penyusunannya.<sup>117</sup> Karya *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* oleh al-Nawawī merupakan karya yang paling terkenal dalam sepanjang era penulisan hadith 40 namun perkara yang harus kita ketahui bahawa beliau bukanlah orang pertama yang melakukan pengumpulan 40 hadith. Sebelum al-Nawawī, telah ramai para ulama yang menyusun karya hadith 40 namun dalam bentuk tematik seperti 40 hadith tentang tauhid, jihad, zuhud dan lain-lain.<sup>118</sup> Kita juga boleh lihat kata-kata al-Nawawī dalam mukaddimah karyanya, *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*:

“Maka orang pertama yang saya kenal yang telah pun mengarang kitab seperti ini ialah ‘Abdullah bin Mubārak, kemudian diikuti oleh Muhammad bin Aslam al-Ṭūsī. Beliau ialah seorang ahli ilmu dan pendidik. Setelah itu muncul pula Hasan bin Sufyān al-Nasā’ī. Kemudian Abū Bakar al-Ajurī, Abū Bakar Muhammad bin Ibrāhīm al-Aṣfahānī, al-Dār Quṭnī, Abū Nu‘aim dan Abū ‘Abd Rahman al-Salmī, Abū Sa‘īd al-Mālīkī, Abū ‘Uthman al-Ṣābūnī, ‘Abdullah bin Muhammad al-Anṣārī, Abū Bakar al-Bayhaqī dan banyak lagi yang telah mengambil bahagian mengarang kitab tersebut.”<sup>119</sup>

---

<sup>114</sup> Nama sebenarnya ialah ‘Abdullah bin Ibrahim bin Muhammad Tahir bin Kamaluddin. Beliau berperanan besar sebagai orang yang memberikan nasihat dan cadangan kepada Perdana Menteri pertama Tunku Abd al-Rahman supaya tarikh kemerdekaan Tanah Melayu adalah pada 31 Ogos 1957. Lihat: Ayman al-‘Akiti, Faiz Hafizuddin & Amir Ashraf (2020), *Shaykh ‘Abdu’llah Fahim: Ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah dan Perjuangan Kebangsaan*, Bangi: Akademi Jawi Malaysia.

<sup>115</sup> Ibid.

<sup>116</sup> Ibid, h. 39.

<sup>117</sup> Abi Mu‘ādh Zāfir (2008), *‘Ilm al-Arba’īnāt wa al-Arba’īn al-Nawawīyyah*, h. 4.

<sup>118</sup> Mustafa ‘Abdul Rahman (2021), *Hadīth 40*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 53.

<sup>119</sup> Ibid, h. 52.

Selain itu, al-Nawawī turut memberitahu dalam mukaddimah karyanya mengenai faktor yang mendorong para ulama untuk menulis karya-karya hadith 40 yang berdalilkan daripada hadith Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah berbunyi:<sup>120</sup>

مَنْ حَفِظَ عَلَيَّ أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا مِنْ أَمْرِ دِينِهَا بَعَثَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

فَقِيهًا أَوْ فِي زَمْرَةِ الْفُقَهَاءِ وَالْعُلَمَاءِ

Terjemahan: “Barangsiapa menghafaz (mengumpul) kerana umatku 40 hadith dari urusan agamanya, nescaya Allah akan membangkitkannya pada hari kiamat dalam golongan fuqaha (ahli fiqh) dan ulama.”

Terdapat riwayat-riwayat lain yang menyatakan kelebihan yang berbeza jika mengumpul 40 hadith dari urusan agama Islam tetapi hadith tersebut semuanya tetap bertaraf daif meskipun mempunyai banyak riwayat menurut semua *muhaddithīn*.<sup>121</sup> Namun bagi al-Nawawī sendiri, beliau tidak menulis *al-Arba‘īn al-Nawawīyyah* dengan berpegang hadith tersebut tetapi berpegang pada hadith yang sahih:

أَلَّا لِيُبَلِّغَ الشَّاهِدُ مِنْكُمْ الْعَائِبَ

Terjemahan: “Hendaklah orang yang hadir daripada kamu menyampaikan kepada orang yang tidak hadir.”<sup>122</sup>

نَضَّرَ اللَّهُ أَمْرًا سَمِعَ مَقَالَتِي، فَوَعَاها، ثُمَّ أَدَّاهَا إِلَى مَنْ لَمْ يَسْمَعْهَا

Terjemahan: “Moga Allah memperbaiki muka orang yang mendengar perkataanku lalu dia memeliharanya, kemudian dia menyampaikannya kepada orang yang tidak mendengarnya.”<sup>123</sup>

Sebelum *al-Arba‘īn al-Nawawīyyah* muncul, beberapa hadith yang terdapat dalam *al-Arba‘īn al-Nawawīyyah* itu pada asalnya adalah susunan Ibn Ṣalāh. Beliau telah menyusun sebanyak 26 hadith dan diberi nama *al-Ahādīth al-Kullīyyah* atau nama lainnya sebagai hadith-hadith yang komprehensif kerana hadith-hadith yang disusunnya itu adalah hadith-hadith yang dikatakan asas kepada agama serta *jawāmi‘ al-Kalim* yang bermaksud hadith-hadith yang ringkas dan padat. Kemudian barulah al-Nawawī menyambung dan menyempurnakan hadith-hadith tersebut sehingga menjadi 42 hadith.<sup>124</sup>

<sup>120</sup> Ibid, h. 51.

<sup>121</sup> Ibid, h. 52.

<sup>122</sup> Al-Bukhārī (1993), *Sahīh al-Bukhārī*, Damsyik: Dār Ibn Kathīr, Dār al-Yamāmah, Jilid 1, h. 52.

<sup>123</sup> Ahmad bin Hanbal (2001), *Musnad Ahmad*, Mu’assasah al-Risālah, Jilid 27, h. 301.

<sup>124</sup> Ibn Rajab (2004), *Jāmi‘ al-‘Ulūm wa al-Hikam*, Kaherah: Dār-Salām, Jilid 1, h. 51.

Keistimewaan *al-Arba 'in al-Nawawiyah* sehingga dikatakan telah mengambil pentas utama dalam pentas penulisan hadith 40<sup>125</sup> kerana hadith-hadith tersebut adalah terdiri dari kaedah-kaedah yang penting dalam Islam serta pembinaan hukum-hukum dalam Islam. Kata al-Nawawī dalam mukaddimahnyanya:

“Dan saya berpendapat, bahawa ada kumpulan empat puluh buah hadith yang lebih penting dari segala itu iaitu suatu kumpulan yang mengandungi segala yang tersebut dan tiap-tiap hadith itu mempunyai kaedah yang penting mengenai kaedah-kaedah agama yang oleh para ulama menegaskan bahawa pusat peredaran hukum Islam terletak padanya itu seperdua, atau sepertiga atau seumpamanya daripada hukum itu adalah daripadanya.”<sup>126</sup>

Meskipun karya tersebut dinamakan hadith 40 namun ia mengandungi 42 buah hadith. Hal ini kerana menurut Ibn ‘Uthaymīn bahawa sikap orang Arab yang lebih gemar menghilangkan sebutan pecahan tersebut dan hanya menyebut 40 sahaja kerana sebutannya lebih mudah.<sup>127</sup> Menurut al-Ṭufī dan sebahagian sarjana pula, pada asalnya adalah 40 hadith sahaja namun al-Nawawī menambah lagi dua hadith kerana tertarik dengan dua hadith tersebut. Menurut mereka, tambahan tersebut sangat sesuai kerana hadith pertama mengandungi nasihat dalam melawan hawa nafsu serta mengikut syariat manakala hadith kedua adalah mengenai dorongan untuk berdoa, berharap pada Allah serta memohon ampun atas dosa-dosa.<sup>128</sup>

Perkembangan penulisan hadith 40 tidak terhenti pada zaman ulama *mutakhirīn* namun terus berkembang pesat hingga memasuki alam Melayu dan berterusan sehinggalah zaman kontemporari kini. Banyak penulisan hadith 40 yang dihasilkan oleh para ulama di tanah Melayu selain Mustafa Abdul Rahman seperti *Syarh al-Laṭīf ‘Ala Arba ‘in Hadīthan li Imām al-Nawawī* oleh Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri, *Fath al-Mubīn* oleh Syeikh Muhammad Salih bin Murid Rawa, *Hadith Arba ‘in* oleh Syeikh Daud al-Fatoni dan banyak lagi.<sup>129</sup> Namun sebahagian besar penulisan hadith 40 yang wujud lebih cenderung menghuraikan karya *al-Arba ‘in al-Nawawiyah* berbanding membuat himpunan 40 hadith sendiri.<sup>130</sup>

Penulisan hadith 40 di alam Melayu banyak yang ditulis dalam tulisan Jawi kerana tulisan Jawi memainkan peranan yang sangat penting di rantau ini dalam penyebaran ilmu. Kemudian karya-karya hadith 40 tersebut dan karya-karya ilmu yang lain dipanggil sebagai ‘Kitab Jawi’.<sup>131</sup> Namun perkara yang harus diketahui bahawa karya-karya hadith termasuk hadith 40 tidaklah sebanyak dan serancak berbanding karya-karya bidang lain pada peringkat awal dahulu seperti akidah, fiqh dan tasawuf.<sup>132</sup>

---

<sup>125</sup> Rosni, Suriani, Mohd Khafidz (2020), *Penulisan dan Pengumpulan Karya Hadis 40 oleh Ulama Alam Melayu*, Research Gate, h. 9.

<sup>126</sup> Mustafa ‘Abdul Rahman (2021), *Hadīth 40*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 53.

<sup>127</sup> Ibn ‘Uthaymīn, *Syarh al-Arba ‘in al-Nawawiyah*, Dār al-Thurayā, h. 4.

<sup>128</sup> Al-Ṭufī (1998), *al-Ta’yīn fi Syarh al-Arba ‘in*, Saudi: al-Maktabah al-Makiyyah, Jilid 1, h. 336.

<sup>129</sup> Rosni et al. (2020), *Penulisan dan Pengumpulan Karya Hadis 40 oleh Ulama Alam Melayu*, Research Gate, h. 4-5.

<sup>130</sup> Ibid, h. 9.

<sup>131</sup> Fauzi Deraman (1998), *Karya-Karya Hadith Dalam Tulisan Jawi*, Jurnal Usuluddin, h. 164.

<sup>132</sup> Ibid, h.166.

## ANALISIS PENULISAN *AL-ARBA'ĪN AL-NAWAWIYYAH*

*Al-Arba'īn al-Nawawīyyah* yang mempunyai 42 hadith mengandungi keistimewaan tersendiri dalam penulisan al-Nawawī. Pengkaji telah membuat analisis terhadap semua hadith tersebut dari sudut senarai periwayatan perawi di awal sanad iaitu para sahabat, perawi di hujung sanad seperti al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwūd, al-Nasāie dan lain-lain serta bilangan status hadith meskipun semua hadith dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* berstatus sahih menurut al-Nawawī seperti dalam mukaddimahya:

“Dan saya dalam hubungan ini mengutamakan hadith yang sahih saja dalam kumpulan hadith yang empat puluh ini yang kebanyakannya terdapat dalam kitab Sahīh Bukhari dan Muslim.”<sup>133</sup>

Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* terkandung juga hadith-hadith yang bukan berstatus sahih bahkan ada sarjana mengatakan terdapat hadith-hadith yang daif padanya semisal Ibn Rajab al-Hanbalī yang diterangkannya dalam *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Hikam*.<sup>134</sup> Terdapat enam hadith yang disenaraikan oleh Ibn Rajab sebagai daif.<sup>135</sup>

Jadual 1: Hadith-Hadith Daif Dalam *Al-Arba'īn Al-Nawawīyyah* Menurut Ibn Rajab

No Hadith	Matan Hadith
Hadith 12	مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيهِ
Hadith 29	وَهَلْ يَكُوبُ النَّاسَ فِي النَّارِ عَلَى وُجُوهِهِمْ أَوْ عَلَى مَنَاخِرِهِمْ إِلَّا حَصَائِدُ أَلْسِنَتِهِمْ
Hadith 30	إِنَّ اللَّهَ فَرَضَ فَرَائِضَ ، فَلَا تُضَيِّعُوهَا ، وَحَدَّ حُدُوداً فَلَا تَعْتَدُوهَا
Hadith 31	ازهد في الدنيا يجيبك الله
Hadith 39	إِنَّ اللَّهَ تَجَاوَزَ عَنْ أُمَّتِي : الْخَطَا ، وَالتَّسْيَانَ
Hadith 41	لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعاً لِمَا جِئْتُ بِهِ

<sup>133</sup> Mustafā ‘Abdul Rahman (2021), *Hadīth 40*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 53.

<sup>134</sup> Kitab *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Hikam* karangan Ibn Rajab al-Hanbali adalah syarah kepada *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* namun Ibn Rajab telah menambah lagi lapan hadith bagi melengkapkan *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* hingga menjadi 50 buah hadith semuanya.

<sup>135</sup> Rujuk: <https://shorturl.at/WcEKW>

Perbincangan ini sebenarnya menjadi khilaf dalam kalangan ulama mengenai bilangan hadith yang sahih dan tidak sahih. Namun begitu semua hadith yang dikatakan daif itu telah diangkat kepada kedudukan hasan kerana mempunyai *syawahidnya*.<sup>136</sup> Ini bermakna kesemua hadith dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* adalah sahih dan hasan. Namun, bukankah al-Nawawī mengatakan bahawa beliau hanya memuatkan hadith sahih sahaja? Maka di sini Ibn Daqīq al-'Aid mengatakan bahawa yang dimaksudkan sahih oleh al-Nawawī ialah hadith-hadith selain hadith daif iaitu kategori *maqbul* yang merangkumi hadith sahih dan hasan sahaja.<sup>137</sup>

Jadual 2: Bilangan Hadith Sahih dan Hasan dalam *Al-Arba'īn Al-Nawawīyyah*:<sup>138</sup>

Sahih	Hasan
33 buah hadith	9 buah hadith

Bagi senarai nama para sahabat yang meriwayatkan hadith-hadith dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah* pula, pengkaji mendapati hadith-hadith tersebut diriwayatkan oleh para sahabat yang berbeza seperti berikut:

Jadual 3: Senarai Sahabat dan Bilangan Periwaiyatan Hadith

Nama Sahabat	Bilangan Periwaiyatan
Abū Hurairah	9 buah hadith
Ibn 'Abbās	4 buah hadith
Ibn 'Umar	3 buah hadith
'Umar al-Khaṭāb	2 buah hadith
Ibn Mas'ūd	2 buah hadith
Anas bin Mālik	2 buah hadith
Muādh bin Jabal	2 buah hadith
Abu Sa'īd al-Khudrī	2 buah hadith
Abu Dhar al-Ghifārī	2 buah hadith

Bagi perawi sahabat yang lain, mereka hanya meriwayatkan sebuah hadith sahaja yang terkandung dalam *al-Arba'īn al-Nawawīyyah*. Mereka ialah Saidatina 'Āisyah, Nu'mān bin Basyīr, Tamīm bin Aus al-Dārī, Hasan bin 'Alī, Syaddād bin Aus, Jundub bin Junādah, 'Uqbah

<sup>136</sup> Abi Mu'ādh Zāfir (2008), *Ilm al-Arba'īnāt wa al-Arba'īn al-Nawawīyyah*, h. 27.

<sup>137</sup> Ibn Daqīq (2003), *Syarah al-Arba'īn al-Nawawīyyah fī al-Ahādīth al-Ṣahīhah al-Nabawīyyah*, Muassāsah al-Rayyān, h. 22.

<sup>138</sup> Abi Mu'ādh Zāfir (2008), *Ilm al-Arba'īnāt wa al-Arba'īn al-Nawawīyyah*, h. 27

al-Ansārī, Sufyān bin ‘Abdullah, Jābir bin ‘Abdullah, Hārith bin ‘Āṣim, Nawwās bin Sam‘ān, Al-‘Irbād bin Sāryah, Abu Tha‘labah, Sahl bin Sa‘ad dan ‘Abdullah bin ‘Amru al-‘Āṣ.

Selain itu, pengkaji melakukan juga analisis terhadap perawi-perawi di hujung sanad yang meriwayatkan hadith-hadith dalam *al-Arba‘īn al-Nawawīyyah* seperti al-Bukhārī, Muslim, Al-Bayhaqī dan lain-lain.

Jadual 3: Bilangan Hadith yang Diriwayatkan oleh Perawi Hujung Sanad

Perawi	Bilangan Hadith
<i>Muttafaq ‘Alaih</i>	13 buah hadith
Al-Bukhārī	4 buah hadith
Muslim	13 buah hadith
Abū Daud	1 buah hadith
Al-Nasā‘ī	1 buah hadith
Al-Tirmidhi	7 buah hadith
Ibn Mājah	4 buah hadith
Al-Dār Qutnī	2 buah hadith
Al-Bayhaqī	2 buah hadith

## METODE PENULISAN HADITH 40 KARYA MUSTAFA ABDUL RAHMAN

Hadith 40 karya Mustafa Abdul Rahman dilihat membawa pendekatan berbeza dengan kebanyakan karya syarah hadith *al-Arba‘īn al-Nawawīyyah* yang lain. Namun begitu, masih terdapat persamaan karya ini dengan karya yang lain. Tetapi analisis ini lebih berfokus kepada metode yang digunakan oleh Mustafa Abdul Rahman dalam karyanya ini. Antara metode yang pengkaji dapati dalam karya ini adalah seperti berikut:

1. Menamakan kitab penulisannya hanya sebagai Hadith 40. Mustafa Abdul Rahman tidak memperincikan nama karyanya ini untuk menggambarkan bahawa kesemua hadith yang terkandung adalah hadith 40 Imam Nawawi. Metode begini amat berbeza dengan karya-karya ulama lain yang kebiasaannya memperincikan nama kitab sama ada hadith-hadith terbabit ialah hadith 40 Imam Nawawi ataupun kumpulan 40 hadith berdasarkan tema-tema tertentu. Misalnya karya Muṣṭafa Dīb al-Bughā dan Muhyī al-Dīn Mastū yang diberi nama *Al-Wāfi‘ fi Syarh Al-Arba‘īn Al-Nawawīyyah*.<sup>139</sup> Contoh kitab syarah yang lain pula adalah karya salah seorang ulama lama di Tanah Melayu iaitu ‘Abd Rauf al-Fansuri yang diberi nama *Syarh al-Latīf ‘ala Arba‘īn Hadīthan li Imām al-Nawawī*.<sup>140</sup>

<sup>139</sup> Muṣṭafa Dīb al-Bughā & Muhyī al-Dīn Mastū, *Al-Wāfi‘ fi Syarh Al-Arba‘īn Al-Nawawīyyah*, Damsyiq: Darul Mustafa.

<sup>140</sup> Rosni et al. (2020), *Penulisan dan Pengumpulan Karya Hadis 40 oleh Ulama Alam Melayu*, Research Gate, h. 4.



2. Tidak menyatakan tajuk bab bagi setiap hadith. Mustafa Abdul Rahman hanya menyatakan giliran bagi setiap hadith seperti hadith pertama, kedua, ketiga, keempat dan seterusnya. Kebanyakan karya syarah *al-Arba 'in al-Nawawiyyah* akan diletakkan tajuk bagi setiap hadith untuk memberi gambaran awal kandungan matan hadith tersebut. Sebagai contoh, dalam kitab *Syarah Hadis 40 Al-Nawawiyyah*, penulis meletakkan tajuk bagi hadith pertama sebagai 'Kedudukan Niat Dalam Amalan'.<sup>141</sup> Contoh yang lain pula dalam kitab *40 Hadith Imam Nawawi: Berkenaan Asas-Asas Agama Islam & Prinsip Hukum Shariat*, penulis meletakkan tajuk hadith pertama sebagai 'Niat Adalah Asas Segala Amalan di Dalam Shariat Islam'.<sup>142</sup>
3. Karyanya dimulakan dengan sejarah pembukuan hadith. Mustafa Abdul Rahman membawa kelainan pada buku Hadith 40 karyanya dengan memulakan dengan sejarah pembukuan hadith sehingga kewajipan mentaati hadith sebagai sumber hukum kedua dalam Islam. Cara ini sedikit sebanyak membezakan kaedah penulisannya dengan kitab-kitab syarah Hadith 40 Imam Nawawi yang lain.
4. Menjelaskan ilmu *muṣṭolāh hadith* sebelum memulakan hadith pertama. Beliau menerangkan secara terperinci bermula dengan pengertian hadith dari segi bahasa dan istilah menurut *usūliyyīn*, *muhaddithīn* dan *fuqahā'*. Kemudian beliau turut menerangkan pembahagian hadith seperti hadith mutawatir dan *ahād*, *sahīh*, *hasan*, *daif* dan *palsu* dan perinciannya.
5. Mustafa Abdul Rahman turut memuatkan terlebih dahulu biografi ringkas para imam hadith *kutub sittah* bermula dari al-Bukhārī sehingga Ibn Mājah. Pengkaji berpandangan bahawa beliau memasukkan biografi para imam hadith *kutub sittah* secara ringkas kerana kebanyakan hadith dalam *al-Arba 'in al-Nawawiyyah* diriwayatkan oleh para imam tersebut. Jadi Mustafa Abdul Rahman mahu memperkenalkan para imam hadith *kutub sittah* kepada para pembaca agar mengetahui secara ringkas biografi mereka disebabkan jasa mereka yang besar dalam bidang hadith.
6. Mustafa Abdul Rahman memuatkan biografi ringkas penulis *al-Arba 'in al-Nawawiyyah* iaitu al-Nawawi dari sudut nama dan gelarannya, kelahirannya, kehidupannya serta fatwa-fatwanya. Pengkaji berpandangan bahawa biografi al-Nawawi sangat penting untuk dimasukkan supaya para pembaca mengenali dengan lebih dekat ulama hebat yang mengarang *al-Arba 'in al-Nawawiyyah* yang penulisannya ini bermanfaat sehingga hari ini.
7. Memuatkan kata-kata pendahuluan al-Nawawi dalam *al-Arba 'in al-Nawawiyyah*. Bahagian ini sangat penting menurut pengkaji agar para pembaca mengetahui niat dan tujuan al-Nawawi menyusun *al-Arba 'in al-Nawawiyyah*. Kebanyakan syarahan kepada *al-Arba 'in al-Nawawiyyah*, pengkaji mendapati tidak banyak penulis memuatkan pendahuluan al-Nawawi ini. Jadi bentuk penulisan Mustafa Abdul Rahman ini sangat bagus khususnya dalam penulisan hadith di Tanah Melayu.

<sup>141</sup> Zuhlilmi Mohamed Nor, Mohd Yusuf Ismail, Amiruddin Mohd Sobali & Ahmad Sanusi Azmi, *Syarah Hadis 40 Al-Nawawiyyah*, Nilai: Penerbit USIM, h. 2.

<sup>142</sup> Abdullah Jalil (2020), *40 Hadith Imam Nawawi: Berkenaan Asas-Asas Agama Islam & Prinsip Hukum Shariat*, Nilai: Zarasa Enterprise, h. 58.

8. Meletakkan terjemahan, syarahan dan nilai sesebuah hadith pada setiap kali selepas mendatangkan hadith. Mustafa Abdul Rahman memberikan syarah awal secara ringkas dan nilai sesebuah hadith tersebut dalam Islam serta didatangkan pandangan-pandangan ulama berkenaan hadith tersebut. Kemudian barulah beliau mensyarahkan hadith secara terperinci.
9. Konsisten mendatangkan ayat-ayat al-Quran dan hadith serta kata-kata para sahabat dan ulama sebagai hujah sokongan dalam setiap syarahannya. Misalnya, hadith pertama beliau datangkan sebanyak dua ayat al-Quran dan lima hadith sokongan serta beberapa pandangan ulama yang mensyarahkan hadith tersebut.<sup>143</sup>
10. Meletakkan rumusan pengajaran dan kefahaman hadith (fiqh al-Hadith) bagi setiap hadith bawah subtopik ‘petunjuknya’ yang boleh mudah difahami oleh para pembaca. Misalnya, hadith ke-6 terdapat empat rumusan pengajaran<sup>144</sup> dan kefahaman hadith manakala hadith ke-7 terdapat dua petunjuk sahaja.<sup>145</sup> Begitu juga hadith-hadith yang lain yang ditulis rumusan secara konsisten meskipun mempunyai bilangan rumusan yang berbeza.
11. Meletakkan rujukan bagi dalil al-Quran dan takhrij bagi dalil hadith. Kebanyakan dalil al-Quran dan hadith mempunyai rujukannya yang ditulis oleh Mustafa Abdul Rahman sama ada rujukan tersebut diletakkan di nota kaki ataupun terus dinyatakan di sebelahnya nama surah dan ayat jika ayat al-Quran atau perawi hadith jika dalil hadith. Kaedah sebegini membuatkan para pembaca lebih meyakini kekuatan syarahannya serta memudahkan pelajar dan pengkaji bidang al-Quran dan hadith melakukan rujukan. Sebagai contoh satu hadith:<sup>146</sup>

الْبِكْرُ بِالْبِكْرِ ؛ جَلْدُ مِائَةٍ ، وَ نَفْيُ سَنَةٍ (رواه مسلم)

Terjemahan: “Teruna dengan dara yang berzina dipukul seratus kali dan pembuangan setahun.”

Namun terdapat juga sebahagian dalil yang dikemukakan, beliau tidak menyatakan rujukannya.

## KESIMPULAN

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa *al-Arba ‘in al-Nawawiyyah* telah mengambil pentas utama dalam penulisan hadith 40 sepanjang zaman. Meskipun banyak juga penulisan hadith 40 secara tematik namun *al-Arba ‘in al-Nawawiyyah* tetap menjadi keutamaan sebagai rujukan. Hikmahnya, wujudnya banyak karya syarahan kepada *al-Arba ‘in al-Nawawiyyah* sejak zaman ulama *mutakhirin* sehinggalah zaman kontemporar dan masing-masing mempunyai metode penulisan yang tersendiri dalam menghuraikan *al-Arba ‘in al-Nawawiyyah*

<sup>143</sup> Mustafa ‘Abdul Rahman (2021), *Hadith 40*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 55.

<sup>144</sup> Ibid, h. 151.

<sup>145</sup> Ibid, h. 158.

<sup>146</sup> Ibid, h 198.

seperti yang dilakukan oleh Mustafa Abdul Rahman sebagaimana metodenya yang telah dinyatakan:

1. Menamakan kitab penulisannya hanya sebagai Hadith 40.
2. Tidak menyatakan tajuk bab bagi setiap hadith tetapi hanya menyatakan giliran bagi setiap hadith.
3. Karyanya dimulakan dengan sejarah pembukuan hadith.
4. Menjelaskan ilmu *muṣṭolāh hadith* sebelum memulakan hadith pertama.
5. Menulis terlebih dahulu biografi ringkas para imam hadith *kutub sittah* bermula dari al-Bukhārī sehingga Ibn Mājah.
6. Menulis biografi ringkas penulis *al-Arba 'īn al-Nawawiyah* iaitu al-Nawawi dari sudut nama dan gelarannya, kelahirannya, kehidupannya serta fatwa-fatwanya.
7. Melatitkan kata-kata pendahuluan al-Nawawi dalam *al-Arba 'īn al-Nawawiyah*.
8. Meletakkan terjemahan, syarahan dan nilai sesebuah hadith pada setiap kali selepas mendatangkan hadith.
9. Konsisten mendatangkan ayat-ayat al-Quran dan hadith serta kata-kata para sahabat dan ulama sebagai hujah sokongan dalam setiap syarahannya.
10. Meletakkan rumusan pengajaran dan kefahaman hadith (fiqh al-Hadith) bagi setiap hadith bawah subtopik 'petunjuknya' yang boleh mudah difahami oleh para pembaca.
11. Meletakkan rujukan bagi dalil al-Quran dan takhrij bagi dalil hadith.

## **RUJUKAN**

Mustafa 'Abdul Rahman, *Hadīth 40*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2021.

'Abd Rahman bin Syihab al-Dīn bin Ahmad bin Rejab al-Hanbali, *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Hikam*, tahqiq Dr. Muhammad al-Ahmadi Abū al-Nūr, Kaherah: Dār-Salām, 2004.

Muhammad bin Ismā'īl Al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, tahqiq Dr. Muṣṭafā Dīb al-Bughā, Damsyik: Dār Ibn Kathīr, Dār al-Yamāmah, 1993.

Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad*, tahqiq Syu'aib al-Arna'ut, Mu'assasah al-Risālah, 2001.

Rosni Wazir, Suriani Sudi, Mohd Khafidz Soroni (2020), Penulisan dan Pengumpulan Karya Hadis 40 oleh Ulama Alam Melayu, *Research Gate*.

Fauzi Deraman (1998), Karya-Karya Hadith Dalam Tulisan Jawi, *Jurnal Usuluddin*: 7, 163–174. Universiti Malaya.

Muhammad bin Sālih bin Muhammad al-'Uthaymīn, *Syarah al-Arba 'īn al-Nawawiyah*, Dār al-Thurayā.

Sulaymān bin 'Abd al-Qawiy Al-Ṭufī, *al-Ta'yīn fī Syarh al-Arba 'īn*, tahqiq Ahmad Haj Muhamamd 'Uthmān, Saudi: al-Maktabah al-Makiyyah, 1998.

Abi Mu'ādh Zāfir, *'Ilm al-Arba 'īnāt wa al-Arba 'īn al-Nawawiyah*, 2008.

Ibn Daqīq al-'Aid, *Syarah al-Arba 'īn al-Nawawiyah fi al-Ahādīth al-Ṣahihah al-Nabawiyah*, Muassāsah al-Rayyān, 2003.

Ahmad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar al-Haytami, *Al-Fath al-Mubīn bi Syarah al-Arba 'īn*, Jeddah: Dar al-Minhāj, 2008.

Rosni Wazir, *Keistimewaan al-Arba 'īn al-Nawawiyah Sebagai Bahan Pendidikan Masyarakat*. Kolej Universiti Sains Islam Malaysia.

Che Hasmawati Che Awang, *Ustaz Mustafa Abdul Rahman: Sejarah Hidup dan Sumbangannya Dalam Ilmu Hadith di Malaysia*, Disertasi, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

Nurzatil Ismah (2014), Sumbangan Mustafa Abdul Rahman Dalam Tafsir al-Quran: Tumpuan Kepada Aspek Pemikiran Dalam Pengislahan Masyarakat. *International Research and Innovation Conference Proceeding 2014*.

Ayman al-'Akiti, Faiz Hafizuddin & Amir Ashraf, *Shaykh 'Abdu'llah Fahim: Ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan Perjuangan Kebangsaan*, Bangi: Akademi Jawi Malaysia, 2020.

Muṣṭafa Dīb al-Bughā & Muhyī al-Dīn Mastū, *Al-Wāfi fi Syarh Al-Arba 'īn Al-Nawawiyah*, Damsyiq: Darul Mustafa.

Zulhilmi Mohamed Nor, Mohd Yusuf Ismail, Amiruddin Mohd Sobali & Ahmad Sanusi Azmi, *Syarah Hadis 40 Al-Nawawiyah*, Nilai: Penerbit USIM.

Abdullah Jalil, *40 Hadith Imam Nawawi: Berkenaan Asas-Asas Agama Islam & Prinsip Hukum Shariat*, Nilai: Zarasa Enterprise, 2020.